



**LAPORAN
KETUA AUDIT NEGARA**



**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
KERAJAAN NEGERI TERENGGANU
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2018, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, dasar dan kaedah perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 2 hingga 20.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Terengganu pada 31 Disember 2018 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957, Piawaian Perakaunan Kerajaan Malaysia dan *International Public Sector Accounting Standard (Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting)*.

Asas Kepada Pendapat

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Kerajaan Negeri Terengganu dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Pendapat saya terhadap penyata kewangan Kerajaan Negeri Terengganu tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Pegawai Kewangan Negeri Terhadap Penyata Kewangan

Pegawai Kewangan Negeri bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Kerajaan Negeri Terengganu yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957, Piawaian Perakaunan Kerajaan Malaysia dan *International Public Sector Accounting Standard (Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting)*. Pegawai Kewangan Negeri juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Kerajaan Negeri Terengganu adalah bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan *fraud* atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Kerajaan Negeri Terengganu, Pegawai Kewangan Negeri bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Kerajaan Negeri Terengganu untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Kerajaan Negeri Terengganu secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan *fraud* atau kesilapan dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada *fraud* atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Kerajaan Negeri Terengganu sama ada disebabkan *fraud* atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada *fraud* adalah lebih tinggi daripada kesilapan, kerana *fraud* mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Kerajaan Negeri Terengganu.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Pegawai Kewangan Negeri.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Pegawai Kewangan Negeri dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Kerajaan Negeri Terengganu sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Kerajaan Negeri Terengganu atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Kerajaan Negeri Terengganu memberi gambaran yang saksama.

Saya telah berkomunikasi dengan Pegawai Kewangan Negeri, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Tatacara Kewangan 1957, saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Kerajaan Negeri Terengganu telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta.

Hal-hal Lain

Laporan ini diangkat untuk perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.

[Signature]
(DATO' NIK AZMAN NIK ABDUL MAJID)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
24 JUN 2019





PENYATA KEWANGAN NEGERI TAHUN 2018

NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN

KANDUNGAN

BIL	PERIHAL	MUKA SURAT
1	LAPORAN BENDAHARI NEGERI	i - xiv
2	PERNYATAAN PEGAWAI KEWANGAN NEGERI DAN BENDAHARI NEGERI	1
3	PENYATA KEWANGAN NEGERI	
	Penyata Kedudukan Kewangan	2
	Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai	3
	Penyata Prestasi Kewangan	5
	Penyata Akaun Memorandum	6
	Nota Kepada Penyata Kewangan	7
4	LAMPIRAN KEPADA NOTA	
	1 Penyata Perbelanjaan Mengurus	21
	2 Penyata Perbelanjaan Pembangunan	80
	3 Penyata Akaun Memorandum Pinjaman Boleh Tuntut	118
	4 Penyata Memorandum Pelaburan	122
	5 Penyata Akaun Memorandum Hutang Awam	123



**LAPORAN
BENDAHARI NEGERI**

LAPORAN BENDAHARI NEGERI

1. PENDAHULUAN

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu dan laporannya telah disediakan mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61). Laporan ini bertujuan menerangkan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Terengganu dan ringkasan urusniaga kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2018.

Penyata Kewangan ini mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan.

2. PRESTASI BELANJAWAN

Dalam belanjawan 2018, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan RM1,996.00 juta bagi Perbelanjaan Mengurus, RM823.43 juta untuk Perbelanjaan Pembangunan dan RM3.77 juta untuk Perbelanjaan Bekalan Air. Jumlah hasil yang dikutip bagi tahun 2018 adalah sebanyak RM1,792.52 juta iaitu kurang 1.24 % daripada jumlah anggaran RM1,815.00 juta. Tiada peruntukan tambahan diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri pada tahun 2018.

Perbandingan di antara belanjawan dengan prestasi sebenar kutipan hasil dan perbelanjaan bagi tahun 2018 dan 2017 adalah seperti Jadual 1.

Jadual 1: Prestasi Sebenar Kutipan Hasil dan Perbelanjaan Bagi Tahun 2018 dan 2017

	2018			2017		
	Belanjawan (RM juta)	Sebenar (RM juta)	%	Belanjawan (RM juta)	Sebenar (RM juta)	%
Hasil	1,815.00	1,792.52	98.76	1,697.00	2,072.86	122.15
Perbelanjaan Mengurus	1,996.00	1,872.75	93.83	1,967.00	1,899.75	96.58
Perbelanjaan Pembangunan	823.43	511.99	62.18	839.70	673.24	80.18
Perbelanjaan Bekalan Air	3.77	1.27	33.69	2.97	1.50	50.51

3. PRESTASI KEWANGAN

Kerajaan Negeri telah mengalami defisit sebanyak RM80.24 juta dalam Akaun Hasil Disatukan bagi tahun berakhir 31 Disember 2018. Ini kerana perbelanjaan mengurus berjumlah RM1,872.76 juta adalah melebihi jumlah hasil yang dipungut sebanyak RM1,792.52 juta.

Kumpulan Wang Pembangunan Negeri mencatat surplus sebanyak RM119.75 juta manakala Kumpulan Wang Bekalan Air mencatatkan defisit RM1.27 juta. Lain-lain Akaun Amanah yang terdiri daripada Akaun Amanah Kerajaan, Akaun Amanah Awam dan Akaun Deposit pula telah mencatat defisit RM47.31 juta. Ringkasan Prestasi Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu bagi tahun 2018 dan 2017 adalah seperti di Jadual 2.


**Jadual 2 : Ringkasan Prestasi Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu
Bagi Tahun 2018 dan 2017**

BUTIR-BUTIR	TAHUN 2018 RM (Juta)	TAHUN 2017 RM (Juta)
AKAUN HASIL DISATUKAN		
Hasil	1,792.52	2,072.86
Perbelanjaan Mengurus	1,872.76	1,899.75
Lebihan/ (Kurangan) Akaun Hasil Disatukan	(80.24)	173.11
AKAUN AMANAH DISATUKAN		
AKAUN KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN		
Terimaan	631.74	566.70
Perbelanjaan Pembangunan	511.99	673.24
Lebihan/ (Kurangan) Akaun Pembangunan	119.75	(106.53)
AKAUN KUMPULAN WANG BEKALAN AIR		
Terimaan	0.00	0.00
Perbelanjaan Bekalan Air	1.27	1.50
Lebihan/ (Kurangan) Akaun Bekalan Air	(1.27)	(1.50)
LAIN-LAIN AKAUN AMANAH		
Terimaan	6,962.99	8,553.74
Perbelanjaan	7,010.30	8,569.18
Lebihan/ (Kurangan) Lain-lain Akaun Amanah	(47.31)	(15.44)
AKAUN PINJAMAN DISATUKAN		
Terimaan	0.00	0.00
Perbelanjaan	0.00	0.00
Lebihan/ (Kurangan) Lain-lain Akaun Pinjaman	0.00	0.00

4. PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

Penyata Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri menunjukkan jumlah Wang Tunai dan Pelaburan yang dipegang bagi ketiga-tiga akaun **Kumpulan Wang Disatukan** iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Amanah Disatukan dan Akaun Pinjaman Disatukan. Berdasarkan atas perakaunan tunai ubahsuai yang digunakan oleh Kerajaan Negeri, hanya pelaburan yang dipegang bagi Akaun Hasil dan Akaun Amanah tertentu sahaja dilaporkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Pelaburan lain dilaporkan dalam Nota Kepada Penyata Kewangan dengan maklumat terperinci di Penyata Akaun Memorandum. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan Bagi Tempoh 5 Tahun adalah seperti di Carta 1.

Carta 1 : Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan Bagi Tahun 2014 Hingga 2018



5. WANG AWAM

Penyata Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri pada 31 Disember 2018 menunjukkan baki Wang Tunai adalah sebanyak RM94.48 juta dan baki Pelaburan sebanyak RM60.20 juta. Jumlah keseluruhan RM154.68 juta ini menurun RM9.07 juta atau 5.54 % berbanding RM163.75 juta pada tahun sebelumnya.

Wang Tunai

Wang Tunai Kerajaan Negeri diklasifikasikan sebagai Wang Tunai Dalam Bank, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Tangan. Wang Tunai Dalam Bank adalah terdiri daripada Akaun Semasa dan Akaun Pelaburan Al-Mudharabah bagi tempoh tiga (3) bulan dan ke bawah. Wang Tunai Dalam Perjalanan adalah wang tunai yang belum dibankkan dan wang tunai dalam bank yang belum diambilkira dalam buku tunai Pejabat Perakaunan pada akhir tahun kewangan. Wang Tunai Dalam Tangan pula adalah baki Panjar Wang Runcit.

Wang Tunai Kerajaan Negeri telah berkurang sebanyak RM67.97 juta (41.84 %) kepada RM94.48 juta pada tahun 2018 berbanding RM162.45 juta tahun 2017. Ringkasan Kedudukan Wang Tunai Kerajaan Negeri bagi tahun 2018 dan 2017 adalah seperti di Jadual 3.

Jadual 3 : Wang Tunai Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2018 dan 2017

	2018	2017
WANG TUNAI KERAJAAN NEGERI:	RM juta	RM juta
Wang Tunai Dalam Tangan	0.10	0.10
Wang Tunai Dalam Bank	94.38	162.35
Wang Tunai Dalam Perjalanan	0.00	0.00
Jumlah Aset:	94.48	162.45

Pada tahun 2018, daripada Wang Tunai sebanyak RM94.48 juta, RM0.10 juta (0.11 %) adalah Wang Tunai Dalam Tangan dan RM94.38 juta (99.89 %) adalah Wang Tunai Dalam Bank. Tiada Wang Tunai Dalam Perjalanan pada tahun 2018. Wang Tunai Dalam Bank adalah terdiri daripada Akaun Semasa berjumlah RM43.38 juta (45.96 %) dan Akaun Simpanan Al-Mudharabah bagi tempoh tiga (3) bulan dan ke bawah berjumlah RM51.0 juta (54.04 %).

Pelaburan

Pelaburan Kerajaan Negeri merupakan pelaburan dalam skim simpanan Al-Mudharabah dalam institusi kewangan tempatan untuk tempoh melebihi tiga (3) bulan. Jumlah pelaburan pada tahun 2018 adalah RM60.20 juta meningkat sebanyak RM58.90 juta berbanding tahun 2017 yang berjumlah RM1.30 juta sahaja.

6. KUMPULAN WANG DISATUKAN

Baki Kumpulan Wang Disatukan pada 31 Disember 2018 adalah RM154.68 juta terdiri daripada Akaun Hasil Disatukan defisit RM2.61 juta dan Akaun Amanah Disatukan RM157.29 juta. Tiada sebarang baki bagi Akaun Pinjaman Disatukan.

AKAUN HASIL DISATUKAN


Pada tahun 2018, Akaun Hasil Disatukan mengalami defisit sebanyak RM80.24 juta. Ini menyebabkan baki terkumpul akaun ini daripada RM77.63 juta pada tahun 2017 berkurangan dan menjadi defisit RM2.61 juta pada tahun 2018.

Hasil

Kerajaan Negeri telah menerima hasil sebanyak RM1,792.52 juta iaitu 98.76 % daripada RM1,815.00 juta yang dianggarkan. Jumlah ini menurun RM280.34 juta atau 13.52 % berbanding kutipan tahun sebelum berjumlah RM2,072.86 juta. Pengurangan hasil ini disebabkan oleh Terimaan Bukan Hasil yang lebih rendah iaitu RM1,509.24 juta berbanding RM1,826.82 juta tahun 2017, menurun RM317.57 juta atau 17.38 %.

Terimaan Bukan Hasil kekal sebagai penyumbang utama kepada jumlah hasil keseluruhan sebanyak RM1,509.24 juta (84.20 %). Hasil Bukan Cukai dan Hasil Cukai masing-masing menyumbang sebanyak RM205.29 juta (11.45 %) dan RM77.99 juta (4.35 %). Carta 2 menunjukkan Hasil Kerajaan Negeri bagi tahun 2018.

Carta 2 : Hasil Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2018



Secara perbandingan dengan prestasi tahun 2017, pada tahun 2018 Hasil Cukai meningkat RM20.53 juta (35.73 %) daripada RM57.46 juta kepada RM77.99 juta. Hasil Bukan Cukai pula meningkat RM16.71 juta (8.86 %) daripada RM188.58 juta kepada RM205.29 juta. Bagaimanapun penurunan ketara dalam Terimaan Bukan Hasil telah menyebabkan keseluruhan prestasi kutipan hasil Kerajaan Negeri tahun 2018 menurun.


Penurunan Terimaan Bukan Hasil adalah disebabkan Terimaan Dana Khas Kerajaan Persekutuan (DKKP) adalah sebanyak RM1,153.96 juta sahaja berbanding RM1,441.00 juta pada tahun 2017. DKKP ini telah berkurangan RM287.04 juta.

Selain daripada itu, terdapat penurunan RM40.71 juta dalam Terimaan Daripada Agensi Kerajaan Yang Lain iaitu daripada RM44.94 juta kepada RM4.23 juta. Ini kerana pada tahun 2017 Kerajaan Negeri telah menerima pemberian *one-off* baki DKKP daripada Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air Malaysia (KeTTHA) sebanyak RM32.00 juta, terimaan bayaran balik pembiayaan kenderaan dan komputer daripada Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA) berjumlah RM1.27 juta dan pelarasan balik Terimaan Elaun Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) berjumlah RM11.66 juta. Pemberian Caj Perkhidmatan Projek Persekutuan juga menurun daripada RM15.05 juta kepada RM10.51 juta dan tiada apa-apa terimaan untuk Lebihan Dari Penutupan Akaun Amanah berbanding RM6.36 juta diperolehi tahun sebelum.

Terdapat peningkatan dalam lain-lain pemberian daripada Kerajaan Persekutuan, antaranya Pemberian Hitung Kepala daripada RM18.81 juta tahun 2017 kepada RM19.18 juta tahun 2018 dan Pemberian 50% Perbelanjaan Mengurus Jabatan Di Bawah Senarai Bersama (Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Majlis Sukan Negeri, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar) daripada RM47.77 juta kepada RM50.36 juta. Pada tahun 2017 tiada apa-apa terimaan untuk Pemberian Pertumbuhan Hasil tetapi Kerajaan Negeri mendapat RM16.68 juta untuk hasil ini pada tahun 2018. Secara keseluruhan peningkatan hasil-hasil ini, Hasil Cukai dan Hasil Bukan Cukai masih tidak dapat mengimbangi penurunan yang ketara dalam Terimaan Bukan Hasil, menyebabkan keseluruhan prestasi kutipan hasil Kerajaan Negeri lebih rendah berbanding tahun sebelum.

Prestasi hasil Kerajaan Negeri bagi tahun 2014 hingga 2018 adalah seperti carta 3 di bawah.

Carta 3 : Pecahan Hasil Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2014 Hingga 2018



Perbelanjaan Mengurus


Perbelanjaan Mengurus tahun 2018 adalah berjumlah RM1,872.75 juta (termasuk pindahan RM625.00 juta kepada Kumpulan Wang Pembangunan). Jumlah perbelanjaan ini menurun RM27.00 juta atau 1.42 % daripada RM1,899.75 juta tahun sebelum.

Sebahagian besar perbelanjaan adalah untuk membiayai perbelanjaan di bawah Pemberian Dan Kenaan Tetap iaitu Pemberian Kepada Pihak Berkuasa Tempatan, Badan-Badan Berkanun dan Agensi, Bantuan Am, Bayaran Hutang Kerajaan Negeri, Pencen, Ganjaran, Elaun, Emolumen, Perbelanjaan Perkhidmatan dan Bekalan termasuk penyelenggaraan, kerja-kerja pembaikan, sewaan, perbelanjaan pengangkutan dan perjalanan, kos utiliti, bekalan pejabat dan bahan mentah, kos operasi yang lain dan perolehan aset.


Perbelanjaan Mengurus terdiri daripada Perbelanjaan Tanggungan sebanyak RM75.29 juta (4.02 %) dan Perbelanjaan Bekalan sebanyak RM1,797.46 juta (95.98 %). Perbelanjaan Tanggungan meningkat RM5.42 juta (7.76 %) daripada tahun sebelum yang berjumlah RM69.87 juta. Perbelanjaan Bekalan menurun RM32.42 juta (1.77 %) daripada RM1,829.88 juta tahun sebelum. Perbelanjaan Bekalan ini adalah termasuk pindahan kepada Kumpulan Wang Pembangunan sebanyak RM625.00 juta. Carta 4 menunjukkan pecahan perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri bagi tahun 2018.

Prestasi Perbelanjaan Mengurus bagi tahun 2014 hingga 2018 adalah seperti carta 5 di bawah.

Carta 4 : Pecahan Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Negeri Tahun 2018



Carta 5 : Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2014 Hingga 2018



AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

Akaun Pinjaman Disatukan adalah untuk mengakaunkan pinjaman yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan dan juga mengakaunkan pindahan terimaan pinjaman tersebut kepada Kumpulan Wang Pembangunan dan Kumpulan Wang Bekalan Air.

Sumber pinjaman Kerajaan Negeri adalah daripada Kerajaan Persekutuan. Pinjaman ini adalah untuk membiayai projek-projek Rancangan Bekalan Air, Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR), Projek Pembangunan Dalam Negeri, Pembangunan Hutan dan untuk dipinjamkan semula kepada Badan-Badan Berkanun Negeri seperti Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT) untuk melaksanakan projek-projek.

Pada tahun 2018, Akaun Pinjaman Disatukan berbaki sifar. Kerajaan Negeri tidak mendapat apa-apa pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan semenjak tahun 2014.

AKAUN AMANAH DISATUKAN

Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Deposit.

Pada tahun 2018, Akaun Amanah Disatukan meningkat RM71.17 juta (82.64 %) kepada RM157.29 juta berbanding RM86.12 juta pada tahun sebelum. Peningkatan ini disebabkan oleh defisit Kumpulan Wang Pembangunan berkurangan sebanyak RM119.75 juta dan peningkatan Kumpulan Wang Amanah Kerajaan sebanyak RM10.41 juta. Penyata Akaun Amanah Disatukan menunjukkan juga pengurangan baki Kumpulan Wang Bekalan Air sebanyak RM1.27 juta, Kumpulan Wang Amanah Awam sebanyak RM28.50 juta dan Deposit sebanyak RM29.22 juta.

KUMPULAN WANG AMANAH KERAJAAN

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan mengakaunkan terimaan daripada peruntukan kerajaan dan sumbangan awam serta bayaran bagi maksud tertentu mengikut Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61). Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri daripada Kumpulan Wang Pembangunan, Kumpulan Wang Bekalan Air dan Pelbagai Kumpulan Amanah Kerajaan.

Kumpulan Wang Pembangunan


Kumpulan Wang Pembangunan adalah Kumpulan Wang Amanah Kerajaan yang ditubuhkan mengikut Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 (Akta 406) bagi tujuan pembangunan ekonomi negara.

Pada tahun 2018, Kumpulan Wang Pembangunan telah mencatat surplus RM119.75 juta berbanding defisit RM106.53 juta pada tahun sebelumnya. Ini kerana terimaan Kumpulan Wang ini sebanyak RM631.74 juta adalah melebihi perbelanjaan yang berjumlah RM511.99 juta. Berikutan kedudukan surplus tersebut, kurangan (defisit) baki terkumpul Kumpulan Wang ini RM797.00 juta pada tahun 2017 telah menurun kepada defisit RM677.25 juta pada tahun 2018.

Terimaan Kumpulan Wang ini adalah terdiri daripada Pindahan Dari Akaun Hasil Disatukan dan Bayaran Balik Pinjaman Daripada Agensi Kerajaan dan Badan Berkanun Negeri. Pada tahun 2018, Pindahan Dari Akaun Hasil Disatukan adalah sebanyak RM625.00 juta berbanding pindahan berjumlah RM566.70 juta tahun 2017. Bayaran Balik Pinjaman Daripada Agensi Kerajaan dan Badan Berkanun Negeri pula adalah sebanyak RM6.74 juta.

Carta 6 menunjukkan Penerimaan dan Perbelanjaan Pembangunan Negeri Terengganu Bagi Tahun 2014 hingga 2018.

**Carta 6 : Penerimaan Dan Perbelanjaan Pembangunan Negeri Terengganu
Bagi Tahun 2014 Hingga 2018**



Kumpulan Wang Bekalan Air

Pada tahun 2018, tiada terimaan bagi Kumpulan Wang ini. Dengan jumlah perbelanjaannya RM1.27 juta, Kumpulan Wang ini mengalami kurangan (defisit) semasa RM1.27 juta. Baki keseluruhan Kumpulan Wang ini RM70.09 juta berkurangan sebanyak RM1.27 juta daripada RM71.36 juta pada tahun sebelum.

Perbelanjaan Kumpulan Wang ini adalah perbelanjaan mengurus sebanyak RM0.73 juta dan perbelanjaan pembangunan sebanyak RM0.54 juta yang semuanya dibiayai daripada sumber langsung negeri.

Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Pada tahun 2018, baki Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan telah meningkat kepada RM391.69 juta daripada RM381.29 juta pada tahun 2017. Ini disebabkan oleh peningkatan baki Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan-Jalan Negeri (MARRIS) daripada RM252.49 juta kepada RM262.13 juta.

Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan adalah terdiri daripada Akaun Penyelesaian, Akaun Perniagaan, Akaun Pinjaman, Kumpulanwang Luar Jangka, Akaun Kena Bayar dan Pelbagai Kumpulan Wang yang ditubuhkan di bawah Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61) melalui resolusi Dewan Undangan Negeri. Kumpulan Wang ini adalah bagi membolehkan kerajaan menyalurkan peruntukan ke satu tabung untuk maksud tertentu. Sebahagian daripada Kumpulan Wang ini merupakan kumpulan wang pusingan manakala yang lain adalah bayaran langsung.

KUMPULAN WANG AMANAH AWAM

Kumpulan Wang Amanah Awam ini adalah terdiri daripada kumpulan wang amanah yang ditubuhkan di bawah peruntukan Seksyen 9 Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61) untuk maksud-maksud tertentu tetapi tidak bercorak kumpulan wang pusingan.

Terimaan Kumpulan Wang ini dalam tahun 2018 adalah RM66.86 juta manakala pembayarannya adalah RM95.35 juta. Ini menyebabkan baki keseluruhan Kumpulan Wang ini RM128.70 juta, berkurangan sebanyak RM28.50 juta (18.13 %) daripada RM157.20 juta tahun sebelum.

AKAUN DEPOSIT

Wang Deposit terdiri daripada Deposit Am dan Deposit Pelarasan. Deposit Am adalah wang yang diterima khusus bagi sesuatu maksud di bawah undang-undang atau perjanjian dan perlu dibayar balik apabila maksud telah dicapai. Deposit Pelarasan adalah akaun sementara yang digunakan sebelum bayaran dibuat atau pelarasan kepada akaun tertentu.

Pada tahun 2018, Baki Akaun Deposit adalah sebanyak RM244.05 juta berbanding RM273.27 juta pada tahun 2017, menurun RM29.22 juta atau 10.69 %.

7. AKAUN MEMORANDUM

ASET

PINJAMAN BOLEH DITUNTUT

Baki pinjaman boleh dituntut adalah sebanyak RM248.83 juta. Jumlah ini terdiri daripada baki pokok RM235.22 juta dan faedah RM13.61 juta. Baki ini berkurangan RM7.61 juta berbanding tahun sebelum sebanyak RM256.44 juta. Pinjaman Boleh Dituntut ini adalah pinjaman yang diberikan kepada PMINT sebanyak RM62.35 juta dan Terengganu Incorporated Sdn. Bhd. (TISB) sebanyak RM186.46 juta. Pinjaman kepada TISB adalah pengambilalihan Attributable Liabilities daripada PMINT.

Jumlah bayaran balik yang diterima daripada agensi pada tahun 2018 adalah RM7.61 juta iaitu pokok RM6.74 juta dan faedah RM0.87 juta. Jumlah tunggakan bayaran balik adalah RM83.53 juta terdiri daripada pinjaman pokok RM69.92 juta dan faedah RM13.61 juta.

PELABURAN

Pelaburan Perbadanan Menteri Besar

Selaras dengan keputusan mesyuarat di antara Pejabat Perbendaharaan Negeri Terengganu, TISB dan Jabatan Audit Negara Negeri Terengganu yang diadakan pada 17 September 2018 mengenai Cadangan Untuk Mengeluarkan Butiran Memorandum Pelaburan Menteri Besar Terengganu (Incorporated) (MBI) Daripada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu, Pelaburan Perbadanan Menteri Besar adalah dikeluarkan daripada pelaporan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri mulai tahun 2018.

Pelaburan Amanah Saham Darul Iman (ASDI)

Saham ASDI ini adalah pindahan saham daripada Kolej Agama Sultan Zainal Abidin (KUSZA) kepada Pegawai Kewangan Negeri Terengganu pada 30 September 2014 dan diambilkira dalam Penyata Memorandum Penyata Kewangan Kerajaan Negeri mulai tahun 2018. Baki pelaburan ASDI pada 31 Disember 2018 adalah sebanyak RM3.28 juta.

TUNGGAKAN HASIL

Jumlah tunggakan hasil pada 31 Disember 2018 adalah RM37.91 juta menurun RM14.03 juta atau 27.01 % daripada RM51.94 juta pada tahun sebelum.

Penurunan yang ketara adalah kerana tunggakan hasil daripada Syarikat Air Terengganu (SATU) bagi tahun 2018 sebanyak RM17.64 juta telah dikontrakkan dengan penambahan modal saham berbayar SATU. Baki tunggakan hasil daripada SATU kepada Kerajaan Negeri menjadi hanya sebanyak RM883.50 sahaja.

LIABILITI

HUTANG AWAM

Hutang awam pada tahun 2018 adalah sebanyak RM733.13 juta. Jumlah ini berkurangan RM173.81 juta atau 19.16 % berbanding baki RM906.94 juta pada tahun 2017. Baki ini adalah pinjaman projek Kerajaan Negeri sebanyak RM670.43 juta dan pinjaman yang dipinjamkan semula kepada PMINT sebanyak RM62.70 juta.

Pinjaman bagi membiayai projek Kerajaan Negeri adalah untuk projek Bekalan Air sebanyak RM578.02 juta, projek PAKR RM64.26 juta, Pembangunan Hutan RM0.19 juta dan projek-projek lain RM27.96 juta.

Penyata Hutang Awam tahun 2018 menunjukkan jumlah bayaran balik pinjaman sebanyak RM176.69 juta iaitu pokok RM175.61 juta dan faedah RM1.08 juta. Daripada jumlah ini, sebanyak RM10.53 juta dibayar secara tunai. Bakinya RM166.16 juta diambilkira oleh Kerajaan Negeri sebagai pelarasan bayaran balik pinjaman berikutan keputusan Kerajaan Persekutuan menghapusnya empat belas (14) projek Bekalan Air dari tahun 2000 dan sebelumnya yang berjumlah RM166.16 juta, pada tahun 2018.

8. PENUTUP

Pada keseluruhannya kedudukan kewangan Kerajaan Negeri pada tahun 2018 masih berada dalam keadaan kukuh walaupun menghadapi persekitaran ekonomi semasa yang mencabar. Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 menunjukkan baki Kumpulan Wang Disatukan sebanyak RM154.68 juta berbanding RM163.75 juta pada tahun sebelumnya, susut sebanyak RM9.07 juta sahaja.

Kerajaan Negeri berjaya memungut hasil sebanyak RM1,792.52 juta (98.76%) daripada anggaran) tetapi menyusut RM280.34 juta (13.52%) berbanding tahun 2017. Ini disebabkan oleh penurunan terutamanya terimaan Dana Khas Kerajaan Persekutuan kepada RM1,153.96 juta daripada RM1,441.00 juta pada tahun sebelum.

Selaras dengan penurunan hasil, langkah-langkah kawalan ke atas perbelanjaan telah diambil supaya Kerajaan Negeri dapat menguruskan perbelanjaannya. Oleh itu, Perbelanjaan Mengurus keseluruhannya menurun RM26.99 juta (1.42%) berbanding jumlah perbelanjaan tahun sebelum RM1,899.75 juta. Perbelanjaan Pembangunan turut menurun RM161.25 juta kepada RM511.99 juta berbanding RM673.24 juta tahun sebelum. Hutang Kerajaan Negeri pula berada pada kedudukan RM733.13 juta berbanding RM906.94 juta pada tahun sebelum. Selain daripada bayaran balik secara tunai, pengurangan hutang ini disebabkan oleh Kerajaan Persekutuan telah menghapuskira empat belas (14) projek bekalan air berjumlah RM166.16 juta.

Kerajaan Negeri akan terus memberi tumpuan kepada usaha dan inisiatif bagi meningkatkan hasil di samping melaksanakan perbelanjaan secara lebih berhemah bagi memastikan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri kekal kukuh.



**PERNYATAAN
PEGAWAI KEWANGAN
NEGERI DAN
BENDAHARI NEGERI
TERENGGANU**

PERNYATAAN PEGAWAI KEWANGAN NEGERI DAN BENDAHARI NEGERI TERENGGANU

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Nota kepada Penyata Kewangan disediakan.

- (a) mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaian Perakaunan Kerajaan dan *International Public Sector Accounting Standard - Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting*; dan
- (b) dengan menyatukan maklumat kewangan daripada semua Jabatan dan Pusat Tanggungjawab di bawah Kerajaan Negeri Terengganu.

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan dan Penyata Akaun Memorandum berserta Nota kepada Penyata Kewangan menunjukkan kedudukan yang benar dan saksama pada 31 Disember 2018.

Pada masa pernyataan ini ditandatangani, mengikut sebaik-baik pengetahuan kami, tidak wujud apa-apa keadaan yang boleh menjelaskan ketepatan dan kesahihan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri 2018.



MOHD ZAHARI BIN MD AZAHAR
Pegawai Kewangan Negeri Terengganu
04 Februari 2019



MOHD SHUKRI BIN AZAM
Bendahari Negeri Terengganu
04 Februari 2019



PENYATA KEWANGAN NEGERI

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
pada 31 Disember 2018

	<u>Nota</u>	<u>2018</u>	<u>2017</u>
		RM	RM
WANG AWAM			
WANG TUNAI	3	94,479,301.61	162,446,531.46
PELABURAN	4	60,200,000.00	1,300,000.00
		<hr/>	<hr/>
		154,679,301.61	163,746,531.46
		<hr/>	<hr/>
DIPEGANG BAGI:			
KUMPULAN WANG DISATUKAN			
AKAUN HASIL DISATUKAN	5	(2,607,619.83)	77,628,244.92
AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	6	0.00	0.00
AKAUN AMANAH DISATUKAN	7	157,286,921.44	86,118,286.54
		<hr/>	<hr/>
		154,679,301.61	163,746,531.46
		<hr/>	<hr/>

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI

bagi tahun berakhir 31 Disember 2018

	<u>Nota</u>	<u>2018</u>	<u>2017</u>
		RM	RM
TERIMAAN			
Hasil	5		
Hasil Cukai		77,991,036.95	57,464,094.07
Hasil Bukan Cukai		205,286,870.07	188,576,148.71
Terimaan Bukan Hasil		1,509,242,129.37	1,826,819,770.97
		<hr/> - 1,792,520,036.39	<hr/> - 2,072,860,013.75
Pinjaman	6		
Pinjaman Dalam Negeri		0.00	0.00
		<hr/> -	<hr/> - 0.00
Bantuan Luar Negeri	6		
Pinjaman Multilateral		0.00	0.00
Pinjaman Bilateral		0.00	0.00
		<hr/> -	<hr/> - 0.00
Terimaan Modal	7		
Pelbagai Terimaan Modal		6,739,315.07	0.00
Jualan Instrumen Kewangan		0.00	100,000,000.00
		<hr/> -	<hr/> - 100,000,000.00
Terimaan Lain	7		
Terimaan Amanah		0.00	0.00
		<hr/> -	<hr/> - 0.00
Jumlah Terimaan		1,799,259,351.46	2,172,860,013.75

PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI (sambungan)

bagi tahun berakhir 31 Disember 2018

	<u>Nota</u>	RM	RM	RM	RM
		<u>2018</u>		<u>2017</u>	
BAYARAN					
Perbelanjaan Mengurus	5				
Emolumen		(272,477,500.03)		(275,810,039.29)	
Perkhidmatan dan Bekalan		(180,092,823.52)		(192,280,761.45)	
Aset		(7,504,039.40)		(8,446,698.41)	
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap		(778,078,792.62)		(845,661,523.22)	
Perbelanjaan Lain		<u>(146,862.26)</u>	(1,238,300,017.83)	<u>(306,578.66)</u>	(1,322,505,601.03)
Perbelanjaan Pembangunan	7				
Langsung		(511,994,136.45)		(673,236,508.21)	
Pinjaman		0.00	(511,994,136.45)	0.00	(673,236,508.21)
Perbelanjaan Modal					
Pelbagai Perbelanjaan Modal		0.00		0.00	
Pembelian Instrumen Kewangan	4	(58,900,000.00)	(58,900,000.00)	0.00	0.00
Bayaran Balik Pinjaman					
Pinjaman Dalam Negeri		(9,451,004.31)		(10,543,548.19)	
Pinjaman Kepada Agensi		0.00	(9,451,004.31)	0.00	(10,543,548.19)
Bantuan Luar Negeri					
Pinjaman Multilateral		0.00		0.00	
Pinjaman Bilateral		0.00	0.00	0.00	0.00
Bayaran Lain					
Bayaran Amanah	7	<u>(48,581,422.72)</u>	(48,581,422.72)	<u>(16,930,086.49)</u>	(16,930,086.49)
Jumlah Bayaran		<u>(1,867,226,581.31)</u>		<u>(2,023,215,743.92)</u>	
Tambahan / (Kurangan) Wang Tunai		(67,967,229.85)		149,644,269.83	
Wang Tunai Pada 1 Januari 2018		<u>162,446,531.46</u>		<u>12,802,261.63</u>	
WANG TUNAI PADA 31 DISEMBER 2018		<u><u>94,479,301.61</u></u>		<u><u>162,446,531.46</u></u>	

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA PRESTASI KEWANGAN
 bagi tahun berakhir 31 Disember 2018

		<u>2018</u>	<u>2017</u>
	<u>Nota</u>	<u>Anggaran</u>	<u>Sebenar</u>
		<i>RM</i>	<i>RM</i>
HASIL	5	1,815,000,000.00	1,792,520,036.39
<i>Tolak :</i>			
Belanja Mengurus	5	<u>1,996,000,000.00</u>	<u>1,247,751,022.14</u>
LEBIHAN HASIL		(181,000,000.00)	544,769,014.25
<i>Tolak :</i>			
Belanja Pembangunan	7	823,431,440.00	511,994,136.45
(KURANGAN)/LEBIHAN KESELURUHAN		(1,004,431,440.00)	32,774,877.80
			66,574,356.32
(KURANGAN DIBIAYAI OLEH) / LEBIHAN DISOKONG OLEH:			
Pinjaman	6	0.00	0.00
Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan	7	6,739,315.07	0.00
Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah	7	(39,514,192.87)	(66,574,356.32)
JUMLAH PEMBIAYAAN		(32,774,877.80)	(66,574,356.32)

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA AKAUN MEMORANDUM

pada 31 Disember 2018

	<u>2018</u>	<u>2017</u>
	<u>Nota</u>	<u>RM</u>
MEMORANDUM ASET	8	
Pinjaman Boleh Dituntut	248,830,823.10	256,445,225.08
Pelaburan	3,276,992.61	344,768,590.00
MEMORANDUM LIABILITI	9	
Hutang Awam	733,129,563.52	906,942,517.85

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
bagi tahun berakhir 31 Disember 2018

DASAR DAN KAEDAH PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN

1. DASAR DAN PRINSIP PERAKAUNAN

Dasar dan prinsip perakaunan diguna secara konsisten dalam penyediaan penyata kewangan kecuali dinyatakan sebaliknya.

- a) Dasar perakaunan adalah tertakluk kepada undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan pengurusan perakaunan dan kewangan Kerajaan Negeri.
- b) Perakaunan Kerajaan Negeri adalah berdasarkan Kumpulan Wang Disatukan selaras dengan:
 - i) Perkara 97 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa segala hasil diterima kecuali Zakat, Fitrah, dan Baitulmal atau lain-lain hasil agama Islam seumpamanya, dikumpulkan menjadi satu kumpulan wang.
 - ii) Perkara 104 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa tiada wang boleh dikeluarkan dari Kumpulan Wang Disatukan melainkan diperuntukkan atau dibenarkan dengan cara lain oleh Parlimen, kecuali untuk perbelanjaan tanggungan tertentu.
 - iii) Seksyen 7 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] memperuntukkan Kumpulan Wang Disatukan dibahagi kepada Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.
- c) Kerajaan Negeri mengamal asas perakaunan tunai ubahsuai. Semua urus niaga bayaran dan terimaan diakaunkan apabila bayaran dibuat dan terimaan diperoleh dengan pengubahsuaiannya seperti berikut:
 - i) Bayaran bagi kerja yang telah dijalankan, bekalan dan perkhidmatan yang telah diterima sehingga 31 Disember tahun kewangan semasa boleh dibayar dalam bulan Januari tahun berikutnya dan dikenakan kepada peruntukan tahun kewangan semasa.
 - ii) Terimaan wang tunai yang belum dibankkan dan wang tunai dalam bank yang belum diambilkira dalam buku tunai pejabat perakaunan pada 31 Disember tahun kewangan semasa merupakan wang tunai dalam perjalanan dan diakaunkan sebagai hasil tahun kewangan semasa.
 - iii) Mengakaun urus niaga bukan tunai tertentu seperti pindahan peruntukan daripada Akaun Hasil Disatukan ke Akaun Amanah Disatukan, Untung Rugi Pelaburan, Hapuskira Pinjaman Amanah, Penukaran Pinjaman Kepada Ekuiti dan seumpamanya.
- d) Entiti perakaunan terdiri daripada semua jabatan Kerajaan Negeri.
- e) Tahun kewangan sebagaimana yang telah ditetapkan di bawah Seksyen 3 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] adalah satu tempoh dua belas bulan yang berakhir pada 31 Disember setiap tahun.
- f) Mata wang yang digunakan dalam penyata kewangan ini adalah Ringgit Malaysia (RM).
- g) Penyata Kewangan disediakan mengikut asas yang sama dengan Anggaran Perbelanjaan bagi membolehkan perbandingan dibuat.
- h) Apabila berlaku perubahan ke atas persembahan atau klasifikasi butiran, angka perbandingan telah dinyatakan semula kecuali dinyatakan sebaliknya.

2. PERSEMBAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Persebahaman Penyata Kewangan dan Nota yang disertakan bagi tahun 2011 dan seterusnya telah dibuat penambahbaikan bagi memudahkan pemahaman dan penganalisisan.

Penyata Prestasi Kewangan adalah penyata baharu yang menunjukkan prestasi kewangan Kerajaan Negeri secara keseluruhan.

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang disedia mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaian Perakaunan Kerajaan dan *International Public Sector Accounting Standard (IPSAS)* - *Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting* mengandungi komponen berikut :

- a) Penyata Kedudukan Kewangan
- b) Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai
- c) Penyata Prestasi Kewangan
- d) Penyata Akaun Memorandum
- e) Nota Kepada Penyata Kewangan

3. WANG TUNAI

Wang Tunai terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Tangan.

Wang Tunai Dalam Bank terdiri daripada baki akaun semasa dan baki deposit di institusi kewangan yang kurang dari 3 bulan.

Wang Tunai Dalam Perjalanan menunjukkan wang tunai yang belum dibankkan dan wang tunai dalam bank yang belum diambilkira dalam buku tunai pejabat perakaunan pada akhir tahun kewangan.

Wang Tunai Dalam Tangan merupakan Panjar Wang Runcit.

Wang Tunai pada 31 Disember 2018 adalah seperti berikut:

<i>Perihal</i>	<i>2018</i> <i>RM</i>	<i>2017</i> <i>RM</i>
Wang Tunai Dalam Bank	94,375,151.61	162,346,381.46
Wang Tunai Dalam Perjalanan	0.00	0.00
Wang Tunai Dalam Tangan	104,150.00	100,150.00
JUMLAH WANG TUNAI	94,479,301.61	162,446,531.46

4. PELABURAN

Pelaburan terdiri daripada Pelaburan Kumpulan Wang Amanah dan Pelaburan Am dan dinyatakan pada nilai buku.

Pelaburan Kumpulan Wang Amanah ialah pelaburan yang dibuat daripada Kumpulan Wang Amanah selaras dengan arahan amanah Seksyen 9 dan suratcara amanah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] serta peraturan yang berkuatkuasa. Pelaburan Am adalah semua pelaburan yang dibuat daripada lebihan Kumpulan Wang Disatukan.

Dalam tahun 2018, sejumlah RM60.20 juta telahpun dilaburkan sebagai pelaburan yang melebihi tempoh 3 bulan yang terdiri daripada Pelaburan Am sebanyak RM60.00 juta dan Pelaburan Kumpulan Wang Amanah sebanyak RM0.20 juta.

5. AKAUN HASIL DISATUKAN

Akaun Hasil Disatukan mengakaun semua urus niaga terimaan hasil dan perbelanjaan mengurus Kerajaan selaras dengan Perkara 97 dan 98 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(a) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]. Lebihan hasil tahun semasa sebanyak RM625.00 juta telahpun dipindahkan ke Kumpulan Wang Pembangunan.

Akaun Hasil Disatukan bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 adalah seperti berikut:

Perihal	Anggaran	Sebenar		Sebenar	
	RM	RM	%	RM	%
BAKI PADA 1 JANUARI		77,628,244.92		(95,480,717.61)	
HASIL					
Hasil Cukai	66,422,794.00	77,991,036.95	117.42	57,464,094.07	97.85
Hasil Bukan Cukai	203,931,809.00	205,286,870.07	100.66	188,576,148.71	93.15
Terimaan Bukan Hasil	1,544,645,397.00	1,509,242,129.37	97.71	1,826,819,770.97	127.23
Jumlah Hasil	1,815,000,000.00	1,792,520,036.39	98.76	2,072,860,013.75	122.15

PERBELANJAAN MENGURUS

Emolumen	296,591,471.99	272,477,500.03	91.87	275,810,039.29	92.11
Perkhidmatan dan Bekalan	207,987,798.71	180,092,823.52	86.59	192,280,761.45	94.52
Aset	13,181,738.35	7,504,039.40	56.93	8,446,698.41	85.00
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	928,092,107.95	787,529,796.93	84.85	856,205,071.41	93.69
Perbelanjaan-perbelanjaan lain	146,883.00	146,862.26	99.99	306,578.66	99.99
<i>Perbelanjaan Mengurus (sebelum pindahan)</i>	<i>1,446,000,000.00</i>	<i>1,247,751,022.14</i>	<i>86.29</i>	<i>1,333,049,149.22</i>	<i>93.42</i>
<i>Pindahan Lebihan Hasil ke</i>					
<i>Kumpulan Wang Pembangunan</i>	<i>550,000,000.00</i>	<i>625,004,879.00</i>	<i>113.64</i>	<i>566,701,902.00</i>	<i>104.94</i>
<i>Jumlah Perbelanjaan Mengurus (selepas pindahan)</i>	<i>1,996,000,000.00</i>	<i>1,872,755,901.14</i>	<i>93.83</i>	<i>1,899,751,051.22</i>	<i>96.58</i>
<i>Lebihan/(Kurangan) bagi Tahun</i>		<i>(80,235,864.75)</i>		<i>173,108,962.53</i>	
BAKI PADA 31 DISEMBER		<u>(2,607,619.83)</u>			<u>77,628,244.92</u>

(a) Hasil

Hasil diakaunkan secara jumlah kasar ke dalam Akaun Hasil kecuali diperuntukkan sebaliknya oleh mana-mana undang-undang. Selaras dengan Seksyen 111B Akta Cukai Pendapatan 1967 [Akta 53].

Hasil mengikut penjenisannya bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 adalah seperti berikut:

	2018		2017	
	<i>Anggaran</i> <i>Asal</i>	<i>Anggaran</i> <i>Disemak</i>	<i>Sebenar</i>	<i>Sebenar</i>
<i>Perihal</i>				
	<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>
HASIL CUKAI				
Cukai Tanah	36,030,000.00	36,030,000.00	31,474,710.92	87.36
Cukai Galian	365,500.00	365,500.00	77,298.80	21.15
Cukai Parit Dan Taliar	15,000.00	15,000.00	13,796.80	91.98
Royalti	28,500,000.00	28,500,000.00	43,835,941.07	153.81
Cukai Langsung Yang Lain	1,000.00	1,000.00	0.00	0.00
Cukai Hiburan	1,511,294.00	1,511,294.00	2,589,289.36	171.33
<i>Jumlah Hasil Cukai</i>	66,422,794.00	66,422,794.00	77,991,036.95	117.42
HASIL BUKAN CUKAI				
Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit	10,055,634.00	10,055,634.00	8,859,844.71	88.11
Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan	7,102,649.00	7,102,649.00	4,724,916.82	66.52
Perolehan daripada Jualan Barang-barang	146,785,778.00	146,785,778.00	177,077,431.81	120.64
Sewaan	1,997,500.00	1,997,500.00	997,971.22	49.96
Keuntungan Pembiayaan Dan Perolehan	28,895,990.00	28,895,990.00	9,033,179.14	31.26
Denda dan Hukuman	9,094,258.00	9,094,258.00	4,593,526.37	50.51
<i>Jumlah Hasil Bukan Cukai</i>	203,931,809.00	203,931,809.00	205,286,870.07	100.66
TERIMAAN BUKAN HASIL				
Pulangan Balik Perbelanjaan	2,826,022.00	2,826,022.00	6,689,123.34	236.70
Terimaan daripada Agensi-agensi Kerajaan	1,541,819,375.00	1,541,819,375.00	1,502,553,006.03	97.45
<i>Jumlah Terimaan Bukan Hasil</i>	1,544,645,397.00	1,544,645,397.00	1,509,242,129.37	97.71
JUMLAH HASIL	1,815,000,000.00	1,815,000,000.00	1,792,520,036.39	98.76

(b) Perbelanjaan Mengurus

Perbelanjaan Mengurus terdiri daripada perbelanjaan bagi Maksud Tanggungan dan Bekalan seperti emolumen, perkhidmatan dan bekalan, aset, pemberian dan kenaan bayaran tetap dan perbelanjaan-perbelanjaan lain.

Perbelanjaan bagi Maksud Tanggungan adalah perbelanjaan yang dikenakan ke atas Kumpulan Wang Disatukan mengikut undang-undang Persekutuan selaras dengan Perkara 98 Perlembagaan Persekutuan.

Perbelanjaan bagi Maksud Bekalan adalah perbelanjaan yang dikenakan ke atas Kumpulan Wang Disatukan berdasarkan kelulusan Dewan Undangan Negeri selaras dengan Perkara 104 Perlembagaan Persekutuan.

Perbelanjaan Mengurus mengikut Maksud Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 adalah seperti berikut:

Maksud Perbelanjaan	2018			
	Anggaran	Anggaran	Sebenar	%
	Asal	Dipinda		
PERBELANJAAN TANGGUNGAN				
T. 01 Pengelola Istana	38,896,195.80	38,896,195.80	38,566,150.50	99.15
T. 02 Menteri Besar & Setiausaha Kerajaan	10.00	10.00	0.00	0.00
T. 03 Dewan Undangan Negeri	398,020.00	398,020.00	347,956.38	87.42
T. 04 Pejabat Perbendaharaan Negeri Terengganu	54,614,974.20	54,614,974.20	35,921,670.69	65.77
T. 05 Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri	690,800.00	690,800.00	456,449.05	66.08
<i>Jumlah Perbelanjaan Tanggungan</i>	<i>94,600,000.00</i>	<i>94,600,000.00</i>	<i>75,292,226.62</i>	<i>79.59</i>
PERBELANJAAN BEKALAN				
B. 02 Menteri Besar & Setiausaha Kerajaan	63,674,268.77	63,674,268.77	53,510,314.15	84.04
B. 03 Dewan Undangan Negeri	14,964,344.48	14,964,344.48	14,533,114.25	97.12
B. 04 Pejabat Perbendaharaan Negeri Terengganu	956,334,632.19	956,334,632.19	942,187,317.04	98.52
B. 05 Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri	855,724.70	855,724.70	788,153.36	92.10
